

**IMPLIKASI LANJUTAN MASA TERHADAP KONTRAKTOR DAN KLIEN**

**NIK ALYATUL AQILAH BINTI ZAHRI**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI 2008**

## ABSTRAK

Lanjutan masa merupakan salah satu daripada tuntutan kontraktor apabila berlakunya kelewatan dalam sesuatu projek pembinaan. Lanjutan masa boleh didefinisikan sebagai masa yang diperuntukkan kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerjanya disebabkan oleh kemungkiran daripada klien. Lanjutan masa sering dikatakan menjadi salah satu faktor berlakunya pertikaian antara kontraktor dan juga klien. Pertikaian ini berlaku kerana lanjutan masa ini memberikan kesan-kesan tersendiri dan berbeza kepada kedua-dua pihak ini. Oleh itu, jalan penyelesaian perlulah dikenalpasti agar pertikaian yang berlaku ini dapat dibendung tanpa memberi impak yang negatif kepada sesuatu projek pembinaan. Kedua-dua pihak ini perlulah saling memahami dan mengetahui kesan-kesan lanjutan masa yang ditanggung sesama mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti samada wujudnya persamaan atau perbezaan pendapat antara kontraktor dan klien ini terhadap implikasi lanjutan masa. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa terdapatnya persamaan dan juga perbezaan pendapat daripada kedua-dua pihak ini. Persamaan pendapat yang diperolehi daripada kajian ialah pertambahan kos *overhead*, perbelanjaan tambahan dalam aktiviti atau kerja tambahan, pemanjangan tempoh insurans, kelewatan dalam penyerahan projek, projek yang tidak berkualiti tinggi, jadual kerja yang perlu diprogramkan semula dan kebarangkalian berlakunya pertikaian. Perbezaan pendapat yang diperolehi pula adalah tuntutan kos dari pihak ketiga dan perubahan dalam saiz pekerja, logi, peralatan dan bahan binaan. Apa yang dapat disimpulkan ialah lanjutan masa akan sentiasa memberi kesan kepada kontraktor dan klien walaupun wujudnya persamaan ataupun perbezaan pendapat terhadap implikasi lanjutan masa ini.

## **ABSTRACT**

Extension of time is one of a contractor's claims when delay interfere a construction projects. Extension of time can be defined as time that given to contractors to complete all the construction works because of breach committed by the client. Extension of time often becomes one of the factors that contribute disputes between the contractor and client. The disputes happened because extension of time gives many and different implications to both parties. Therefore, a solution must be identified to prevent the disputes without gives a negative impact to the construction projects. Both parties should recognize and understand the implications of time extension among them. Therefore, this research had been carried out to identify whether there are similarities or differences of opinion between contractor and client towards the effect of time extension. The analysis shows that there are similarities and differences of opinion from both parties about the effect of time extension. The similarities that identified are the extension of time will increases the overhead cost, delay in project handover, additional expenditure for additional activities or works, extended the insurances, produced low quality projects, reprogrammed the work schedule and the probability contributed to disputes. Meanwhile, the differences that identified are the claims by the third parties and the changes of labor size, plant and equipment and materials. So, it can be conclude that extension of time always gives implications to contractor and client even though there are similarities and differences of opinion among them towards the effect of time extension.